



مجلس دائره كوالا پيله  
MAJLIS DAERAH KUALA PILAH

## KENYATAAN TENDER

Tarikh: 25 Jun 2024

Tender adalah dipelawa kepada Syarikat-syarikat Perunding Penilaian yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah Kod Bidang 340403 (Penilaian Harta/Hartanah) dan Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Hartanah dan Pengurus Harta Malaysia yang masih sah untuk menyertai perkhidmatan berikut :

No Tender	Tajuk Bekalan / Perkhidmatan	Kementerian Kewangan / Tajuk kod	Harga Dokumen	Tarikh dan masa dokumen mulai dijual	Tarikh dan masa sebutharga ditutup
No tender : Tender 001/2024	Kerja-kerja Penyediaan Senarai Nilai Baru Bagi Semua Pegangan Yang Boleh Dikenakan Kadar Dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Daerah Kuala Pilah	Kementerian kewangan – Tajuk kod  <b>340403 – Penilaian Harta/Hartanah</b>	RM100.00 (Setiap satu dalam bentuk draf bank / kiriman wang / wang pos	1 Julai 2024 (Isnin) – 26 Julai 2024 (Jumaat)  <b>8.30 Pagi – 4.00 Petang</b>	29 Julai 2024 (Isnin)  <b>12.00 tengah hari</b>

2. Kehadiran sesi taklimat adalah diwajibkan dan hanya penama di dalam sijil akaun pendaftaran syarikat dan yang berdaftar dengan majlis sahaja yang boleh menghadiri taklimat. Sesi taklimat tersebut akan diadakan seperti berikut :

Tarikh : 1hb Julai 2024 (Isnin)  
Pendaftaran : 9.00 pagi -10.00pagi  
Tempat : Bilik Mesyuarat MDKP  
Taklimat : 10.00 pagi.

3. Hendaklah membawa dan menunjukkan kepada urusetia sijil SSM yang sah, sijil SKM (Kementerian Kewangan) mengikut kod bidang yang ditentukan dan juga sijil di bawah Lembaga Penilai dan Pentaksir & Ejen Hartanah Malaysia semasa menghadiri taklimat dan dipamerkan ketika pembelian borang di kaunter MDKP.

4. Dokumen Tender boleh diperolehi mulai **1 Julai 2024 hingga 26 Julai 2024** di Kaunter Hasil, MDKP pada pukul **8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.00 petang**. Syarikat yang tidak menghadiri taklimat tidak boleh membeli dokumen tender.

5. Bayaran dokumen Tender boleh dibuat secara Tunai, Kad Kredit/Debit atau Draf Bank (atas nama Majlis Daerah Kuala Pilah).

6. **Tender ini akan ditutup pada 29 Julai 2024 (Isnin).** Dokumen tender yang telah disempurnakan hendaklah dihantar ke dalam Peti Sebut Harga di Majlis Daerah Kuala Pilah, 72009 Kuala Pilah, Negeri Sembilan sebelum atau pada tarikh tutup tawaran. Tender yang lewat diterima, tidak akan dipertimbangkan
7. Majlis Daerah Kuala Pilah tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebagainya atau memberikan apa-apa sebab sebab sesuatu tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab di atas segala kos perbelanjaan berhubung tender ini.
8. Kerjasama dan penyertaan tuan diucapkan terima kasih.

**'MALAYSIA MADANI'**  
**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**  
**'BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA'**

Saya yang menjalankan amanah



**(NAWAL BINTI MOHAMED AMIN)**  
Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Kuala Pilah